



**Komunikasi Korporat Kumpulan**  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

## BANK ISLAM RAIKAN TAHUN BARU DENGAN MEMENANGI ANUGERAH AL-MANSOR BAGI KECEMERLANGAN PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM

**KUALA LUMPUR, Rabu, [8 Januari 2020]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”), peneraju perbankan Islam di Malaysia, meraikan tahun baru dengan memenangi Anugerah Al-Mansor bagi Kecemerlangan Perkhidmatan Kewangan Islam di Anugerah Kecemerlangan Islam 1441H/2020.

Anugerah tersebut mengiktiraf sumbangan dan prestasi cemerlang Bank Islam dalam bidang Perbankan dan Kewangan Islam di Malaysia, seiring dengan persekitaran global. Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed telah menerima anugerah tersebut yang disampaikan oleh Sultan Perak, DYMM Sultan Nazrin Muizzudin Shah ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah di Malam Penghargaan Anugerah Kecemerlangan Islam 1441H/2020 yang diadakan di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur semalam.

Encik Mohd Muazzam Mohamed berkata, “Kami amat gembira atas penganugerahan berprestij yang diterima ini. Memenangi Anugerah Kecemerlangan Al-Mansor menandakan permulaan yang baik bagi Bank Islam untuk tahun 2020 dan ianya menjadi pendorong semangat kami untuk mempertingkatkan usaha demi mencapai tahap yang lebih tinggi.”

“Sejak ditubuhkan pada tahun 1983 dan sebagai institusi perbankan Islam yang pertama di Malaysia, Bank Islam terus berkembang kukuh. Mendepani cabaran dan terus meneroka potensi pasaran, kami amat komited untuk berinovasi dan menawarkan produk dan perkhidmatan patuh Syariah yang relevan dan terkini serta memenuhi keperluan pelanggan. Bagi pihak Bank Islam, saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada seluruh warga kerja

Bank Islam, para pemegang taruh dan para pelanggan di atas komitmen, kepercayaan dan kesetiaan mereka dalam merealisasikan pencapaian ini.”

Dianjurkan oleh Majlis Dakwah Negara (MDN), Anugerah Kecemerlangan Islam 1441H/2020 bertujuan mengiktiraf kecemerlangan individu dan institusi pelbagai bidang termasuk akademik, korporat, perniagaan serta pertubuhan sosial. Anugerah ini juga merupakan satu usaha untuk menyokong dan memberi inspirasi bagi mencapai kemajuan, membentuk daya tahan dan meraih kejayaan pihak terlibat tanpa mengetepikan martabat, warisan serta sejarah.

Pemenang anugerah ini telah dinilai oleh barisan panel dari kalangan tokoh dalam bidang kehakiman, pendidikan, ekonomi dan Syariah, khasnya YABhg Tun Arifin Zakaria, YBhg Tan Sri Dr Sulaiman Mahbob, YBhg Tan Sri Dr Arshad Ayub, YBhg Tan Sri Rastam Isa dan YBhg Prof Emeritus Dato' Paduka Dr Mahmood Zuhdi Abdul Majid.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my).

---

#### **Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad, ditubuhkan pada 1983 sebagai bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 144 cawangan dan lebih daripada 1,000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan penganut agama Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Tel. bimbit: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Penolong Timbalan Presiden Perhubungan Awam Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Aras 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Tel. bimbit: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
---	---